

# 1,500 dipindahkan

Paras sungai utama di Melaka, Negeri Sembilan pecah paras bahaya, beberapa jalan ditutup

>>Oleh Amir Mamat dan Jaafar Mulup  
am@hmetro.com.my

MELAKA: Fenomena hujan luar biasa sejak dua hari lalu menyebabkan lebih 1,500 penduduk daerah Jasin dan Alor Gajah serta Gemas di Negeri Sembilan, terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan berikutan keadaan banjir semakin buruk.

Hujan lebat sejak Isnin lalu itu menyebabkan air sungai utama di kedua-dua negeri itu mencecah paras bahaya.

Keadaan ini menyebabkan ramai penduduk yang tidak pernah terbabit dalam banjir seumur hidup, dipindahkan.

Banjir juga menyebabkan 2,854 penumpang kereta api Ekspres Wau dari Tumpat ke Johor Bahru terkandas.

Penumpang diangkut menggunakan bas ekspres ke Johor Bahru. Lebih malang apabila dilaporkan bas yang dijadualkan membawa mereka juga terkandas.

Di JASIN, lebih 600 penduduk dipindahkan, termasuk 52 mangsa banjir dari kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Asahan dan 224 lagi dari DUN Rim ditempatkan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Simpang Bekoh, dewan orang ramai serta surau berhampiran.

Beberapa jalan utama termasuk Jalan Chincin-Cho-



**BANTU...anggota bomba membawa beberapa penduduk Taman Angkasa Nuri menggunakan bot.**

hong, Jalan Janda Berhias-Sungai Rambai dan Kilometer 171 Lebu Raya Utara-Selatan berhampiran Merlimau, ditutup kepada kenderaan ringan.

Di GEMAS, seramai 730 penduduk di bandar ini dan

kawasan sekitarnya terpaksa dipindahkan ke kawasan pemindahan sementara atau menumpang di rumah saudara-mara berikutan keadaan banjir yang semakin buruk.

Sebahagian pekan Gemas

menghala Jalan Batu Anam, Segamat dan kawasan perhentian bas dinaiki air antara satu hingga 1.5 meter.

Ketua Polis Daerah Tampin, Asisten Komisioner Zull Aznam Harun, berkata gerakan menyelamatkan bermula malam kelmarin sehingga lewat petang semalam.

"Jalan Tampin ke Johor Bahru berhampiran Gemas ditutup sejauh tiga kilometer kerana ditenggelami air sedalam dua meter," katanya.

Jalan lain yang ditutup ialah Jalan Gemas Batu Anam, Segamat yang dinaiki air sedalam antara 0.5 meter hingga 1.5 meter, Jalan Gemenchih-Batang Melaka dan Jalan Gemas-Kampung Ladang.

## KTMB batal operasi

**K**UALA LUMPUR: Berikutan banjir besar yang melanda Johor dan Negeri Sembilan kelmarin, KTM Berhad membatalkan semua perkhidmatannya ke selatan Semenanjung dan Pantai Timur.

KTM dalam kenyataannya semalam menyatakan, perkhidmatan kereta api terpaksa dibatalkan sementara sebagai langkah keselamatan dan mengelakkan risiko kepada penumpang.

Menurut kenyataan itu, tindakan berkenaan diambil kerana landasan kereta api yang ditenggelami air disebabkan hujan lebat dan banjir, boleh membahayakan penumpang.

Antara perkhidmatan yang dibatalkan adalah Ekspres Rakyat (Singapura ke Kuala Lumpur), Ekspres Sinaran Pagi (Kuala Lumpur ke Singapura) dan Tren Mel No 38.